

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 JAN 2015

Mahathir sudah ambil tugas pembangkang: Zamil

BH - 13/1/2015

Kuala Lumpur: Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang sering mengkritik kerajaan menyebabkan rakyat berpendapat beliau sedang mengambil alih tugas pemimpin pembangkang.

Pengerusi Parti Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA) Kedah, Zamil Ibrahim (**gambar**), berkata sejak beberapa bulan kebelakangan ini, pemimpin pembangkang tidak perlu bekerja keras menghentam kerajaan kerana Dr Mahathir sudah mengambil alih tugas mereka.



“Tindak-tanduk Dr Mahathir jelas memberi keuntungan politik kepada pembangkang sehinggakan mereka boleh bersenang-lenang, malah bercuti di luar negara meskipun negara ditimpa bencana banjir baru-baru ini.

“Oleh itu, pembangkang tidak perlu bersusah payah mencari pengganti bagi Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim, jika beliau didapati bersalah meliwat bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan di Mahkamah Persekutuan.

Lantang kritik kerajaan

“Ia kerana peranannya sudah dimainkan Dr Mahathir yang sejak kebelakangan ini secara lantang mengkritik kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk menghancurkan Barisan Nasional (BN) secara tidak langsung,” katanya mendakwa cadangan itu turut disuarakan kepimpinan pembangkang di negeri itu.

Zamil juga mencadangkan supaya pembangkang mengadakan mesyuarat mengenai perkara itu dengan mengenyepikan sebarang krisis sebelum ini supaya Dr Mahathir boleh berkhidmat secara langsung dengan ketiga-tiga parti pembangkang.

“Meskipun anaknya adalah Pengerusi BN Kedah, beliau masih lantang menghentam BN terutama UMNO. Justeru, lebih baik beliau berkhidmat dengan parti itu (pembangkang) daripada mengelirukan rakyat dengan pandangannya,” katanya.